

BAB 5

RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan berkaitan hasil dapatan kajian yang telah dianalisis di dalam Bab 4 dengan lebih lanjut. Ia akan menghuraikan ringkasan kajian, perbincangan dapatan kajian dan rumusannya, implikasi dapatan kajian serta cadangan kajian lanjutan. Pengkaji akan mengemukakan ringkasan kajian dengan merumuskan keseluruhan kajian yang dijalankan. Seterusnya, perbincangan dapatan kajian yang membicarakan data daripada dapatan kajian-kajian lepas yang berkaitan bagi menjelaskan fenomena yang dirumuskan. Seterusnya, pengkaji menyimpulkan rumusan hasil perbincangan serta beberapa implikasi yang diperolehi berdasarkan dapatan kajian. Disusuli dengan beberapa cadangan kajian lanjutan yang berkaitan bidang kajian ini.

5.2 Ringkasan Kajian

Bahagian ini akan memberi fokus kepada rumusan dapatan kajian dan perbincangannya terhadap keseluruhan dapatan yang selari dengan objektif kajian yang telah digariskan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menasarkannya kepada tiga objektif iaitu mengkaji latar belakang pembangunan MPQBM, menilai kualiti MPQBM dan menganalisis penerimaan guru al-Quran Braille di Malaysia terhadap MPQBM.

Pengkaji meneliti aspek yang pertama terlebih dahulu iaitu mengenai latar belakang pembangunan MPQBM. Analisis dokumen dan temu bual telah dijalankan terhadap dua orang wakil panel pengubal modul. Kaedah triangulasi digunakan untuk membantu mengukuhkan data khususnya dari aspek keyakinan dan kesahan data. Beberapa perkara yang dapat dirungkaikan terhadap MPQBM antaranya mengenai latar belakang MPQBM, tujuan pembinaannya, struktur kandungan, cabaran pembangunan, keunikan serta perancangan menyebarkan penggunaan MPQBM.

Seterusnya bagi menganalisis kualiti MPQBM, pengkaji telah menjalankan temu bual terhadap enam orang guru al-Quran Braille di Malaysia yang terdiri daripada guru al-Quran berpenglihatan dan tidak berpenglihatan. Terdapat dua aspek yang dinilai iaitu pertama, penilaian kualiti kandungan dari segi objektif pengajaran dan isi kandungan modul manakala aspek kedua, penilaian potensi keberkesanan dari segi kebergunaan, fleksibiliti dan persembahan.

Merujuk kepada penilaian terhadap kualiti kandungan dari segi objektif pengajaran, kesemua peserta melaporkan MPQBM menepati objektif pengajaran mereka. Manakala dari sudut isi kandungan pula, ia dilihat jelas dan menarik serta tidak mengelirukan. Soalan penilaian yang disediakan juga mencukupi dan baik.

Seterusnya, penilaian potensi keberkesanan dari aspek kebergunaan. Hasil kajian mendapati MPQBM sesuai digunakan sebagai panduan dan sumber rujukan dalam mengetahui dan mendalami sistem penulisan MQBM. Kandungan modul yang jelas, mudah difahami dan praktikal membantu meningkatkan kefahaman serta kemahiran pengguna berkaitan kod-kod Braille dan tanda bacaannya. Impaknya, penyampaian pengajaran menjadi lebih efektif kepada guru dalam sesi PdP al-Quran.

Penilaian potensi keberkesanan dari aspek fleksibiliti pula, didapati MPQBM sesuai digunakan oleh pelbagai jenis lapisan pengguna sama ada mereka yang mengalami masalah penglihatan ataupun mereka yang tipikal. Hal ini kerana MPQBM diterbitkan dalam dua versi cetakan iaitu cetakan dalam tulisan biasa dan cetakan Braille. Lebih menarik lagi, MPQBM juga sesuai digunakan oleh pelbagai latar belakang penguasaan pengguna. Penyampaian kandungan dan bahasa yang digunakan dalam MPQBM mudah diikuti dan difahami oleh pengguna yang mahir mahupun yang baru dalam mendalami al-Quran Braille. Dapat dirumuskan bahawa MPQBM sesuai digunakan oleh masyarakat umum.

Manakala, dari aspek persembahan didapati strategi berperingkat telah dipraktikkan ke dalam MPQBM daripada tajuk asas sehingga tajuk yang sukar. Ciri penyampaian yang disusun secara logik dan sistematik telah memberi kefahaman jelas kepada pengguna serta memudahkan pengguna untuk merujuk. Penggunaan istilah juga mudah difahami kerana modul ini menggunakan kosa kata dan bahasa yang mudah dan jelas. Dari sudut ilustrasi yang disediakan pula, ia sangat sesuai menarik perhatian dan meningkatkan minat pengguna dalam mengikuti MPQBM dalam mempelajari al-Quran Braille kerana gambarannya sangat cantik.

Akhir sekali, menganalisis penerimaan guru al-Quran Braille di Malaysia terhadap MPQBM. Temu bual yang dijalankan ini adalah untuk mendapatkan komen dan cadangan terhadap keseluruhan kualiti MPQBM dan penerimaan mereka terhadap MPQBM. Secara keseluruhannya, semua peserta memberi respon yang positif mengenai MPQBM. Mereka bersetuju dan menerima MPQBM sebagai BBM bagi meningkatkan pengetahuan dan kefahaman berkaitan al-Quran Braille Malaysia. Pelbagai komen dan cadangan juga diterima oleh peserta kajian. Antaranya dari sudut

susunan kandungan, pembahagian jilid dan soalan latihan. Cadangan bagi kelestarian juga diutarakan iaitu menjalankan kursus berkaitan pengajaran al-Quran Braille, mengadakan kursus tambahan serta menghasilkan modul lanjutan. Hasil daripada kajian ini berupaya digunakan bagi penambahbaikan modul.

5.3 Perbincangan Dapatan Kajian

Dapatan kajian yang telah dibahaskan daripada Bab 4 dapat disimpulkan kepada beberapa rumusan. Secara keseluruhannya, dapatan kajian mendapati bahawa MPQBM yang dihasilkan berjaya mencapai objektif dan memenuhi keperluan pengguna sasaran terutamanya guru al-Quran Braille bagi mendalami penulisan MQBM. Sambutan dan respon yang positif dalam kalangan guru al-Quran Braille menunjukkan bahawa MPQBM sesuai dijadikan sebagai BBM guru dalam sesi PdP bersama pelajar OKU MP. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, perbincangan pertama akan memfokuskan kepada penilaian kualiti kandungan modul. Manakala, peringkat kedua adalah perbincangan melibatkan penerimaan guru al-Quran di Malaysia terhadap MPQBM.

5.3.1 Penilaian Kualiti Kandungan Modul Pengajaran Mashaf Al-Quran Braille Malaysia

Sebuah modul yang dihasilkan mempunyai matlamat dan objektif pembangunan tersendiri. Malah, ia juga dibangunkan bagi memenuhi keperluan pengguna (Ang Chai Tin, 2014). Analisis keperluan pengguna perlu dijalankan bagi menentukan keperluan pembangunan modul menepati dan memenuhi kehendak pengguna (Surina 2015; Jamaluddin & Zaidatun 2003). Oleh itu, MPQBM dihasilkan bertujuan menyelaraskan dan menyebarkan luas kefahaman dan penguasaan kumpulan sasaran berkaitan kaedah baharu penulisan MQBM berasaskan *Rasm Uthmani* serta berperanan sebagai rujukan dan

panduan bagi meningkatkan kefahaman dan tahap penguasaan pengguna terhadap PdP al-Quran Braille (Rahmah Hayati et al., 2023; Anisah et al., 2022).

Penetapan objektif adalah penting dalam reka bentuk dan pembangunan sumber pengajaran, kerana tanpa objektif, pelaksanaan modul dan pembelajaran pengguna tidak dapat diselaraskan dan pengajaran akan menyimpang daripada tujuan sebenar (Ang Chai Tin & Lee Lay Wah, 2016; Sharifah Alwiah, 1986). MPQBM yang dibina dengan berpandukan model reka bentuk instruksional ADDIE menjurus kepada suatu bentuk bahan pembelajaran yang sistematik dari segi perancangan, struktur organisasi kandungan, isi kandungan serta penilaian. Pembinaan modul telah melalui lima fasa iaitu fasa analisis, fasa reka bentuk, fasa pembangunan, fasa pelaksanaan dan fasa penilaian (Juppri Bacotang 2016; Nurutthoilah, 2020). Ia berupaya menghasilkan suatu bahan BBM bagi guru yang bertepatan dengan objektif yang digariskan.

Sebagaimana yang dijelaskan oleh Nurutthoilah (2020) berkenaan isi kandungan modul bahawa kemahiran dalam menentukan isi kandungan sesebuah BBM perlu diberi penekanan yang tinggi. Hal ini telah diimplimentasikan dalam pembangunan MPQBM dengan meneliti isi kandungan bagi tujuan menentukan cara penyampaian yang sesuai serta memenuhi keperluan pengguna. Kajian penilaian kualiti kandungan modul perlu dijalankan bagi memastikan bahan yang disampaikan dalam modul mencapai objektif pembelajaran yang telah ditetapkan (Ang Chai Tin & Lee Lay Wah, 2016). Ini memastikan pembelajaran dijalankan dengan baik dan berkesan. Hasil kajian membuktikan kandungan yang terkandung dalam MPQBM jelas dan menarik serta relevan dengan objektif pembelajaran PdP al-Quran Braille. Ia selari dengan kenyataan Surina Akmal (2015), bahawa pembangunan BBM yang berdasarkan kepada silibus yang digunakan dan bersesuaian dengan kumpulan sasaran akan membantu guru dan

murid dalam sesi PdP. Secara keseluruhannya, penilaian kualiti kandungan modul pengajaran adalah penting untuk melihat modul sebagai instrumen yang dapat membantu guru mencapai objektif pembelajaran yang telah ditetapkan.

5.3.2 Penilaian Potensi Keberkesanan Modul Pengajaran Mashaf Al-Quran Braille Malaysia

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan MPQBM dapat membantu guru dalam meningkatkan kualiti pengajaran. Guru adalah tulang belakang kepada sistem pendidikan dan agen utama dalam proses pembelajaran dan pemudah cara ilmu serta penyampai utama kemahiran-kemahiran pengetahuan kepada pelajar. Guru memerlukan pengetahuan yang tinggi dan kemahiran yang mantap dalam pengajaran untuk penyampaian pendidikan berkualiti yang berkesan (Mohd Isha Awang et al., 2013). Antara faktor utama dalam meningkatkan kualiti pengajaran adalah mempelbagaikan kaedah pengajaran (Shukri Zain, 2007), penyediaan ABM dan BBM (Hiebert et al., 1991; Kozna 1991), mendalami isi kandungan yang diajar (Mohd Isha Awang et al., 2013) serta berpengetahuan tentang kebolehan pelajar menerima pelajaran (Abdul Rasid et al., 2013). Guru yang berpengetahuan serta mahir dalam mempelbagaikan kaedah pengajaran akan mempengaruhi kesediaan pelajar bagi menerima ilmu pengetahuan yang baharu.

Selain itu, MPQBM dilihat sesuai dijadikan panduan dan rujukan kepada guru dan OKU MP dalam mengetahui dan mendalami ilmu berkaitan al-Quran Braille khususnya penulisan MQBM yang baru dibangunkan. Ini kerana, isu yang sering dihadapi guru yang baru berdaftar ke sekolah-sekolah Pendidikan Khas khususnya Sekolah Masalah Penglihatan ialah kurang pengetahuan dan kemahiran serta tiada pendedahan berkaitan penulisan Braille (Norakyairee, 2019). Di

samping itu, ABM dan bahan bacaan khusus berkaitan pengajaran al-Quran Braille juga terhad (Norhafizah et al., 2021; Kauthar et al., 2019). Kesannya, guru kurang bersedia dari segi ilmu pengetahuan dan kemahiran pedagogi dalam pengajaran (Mohd Nazri et al., 2019). Apabila modul bercetak seperti MPQBM dihasilkan sebagai rujukan, secara tidak langsung membantu guru dalam pemahaman yang mendalam tentang subjek yang diajar sekali gus, membantu mencapai objektif pengajaran. Dengan ini, guru dapat mengambil manfaat bagi meningkatkan kefahaman mereka dalam profesionalisme untuk melahirkan pelajar yang berdaya saing dan berkualiti di dunia dan akhirat (Mohamad Khairi et al., 2019). Oleh itu, guru perlu mahir dalam perkembangan terkini dalam bidang mereka dan dapat menyampaikan pengetahuan ini dengan berkesan kepada pelajar. Ini memerlukan kepada pembelajaran berterusan dan pembangunan professional.

Seterusnya, MPQBM didapati dapat membantu guru menyampaikan pengajaran yang konsisten dan sistematik. Ia menyediakan pendekatan berstruktur dalam pembelajaran al-Quran Braille bagi membantu guru dan pelajar memahami konsep dan idea yang kompleks dengan cara yang sistematik. Kajian lepas menunjukkan pengetahuan MBPK MaL dalam penguasaan bacaan al-Quran Braille adalah pada tahap yang rendah (Zetty Nurzuliana, 2021; Hajarul Bahti et al., 2012). Kebiasaannya, punca kegagalan adalah berkait rapat dengan amalan pengajaran guru (Abdul Rasid Jamian, 2013). Antara faktor yang telah dikenalpasti adalah kerana masa pengajaran terhad dan kesulitan guru untuk mengaitkan isi pelajaran dengan sesuatu yang khusus (Nik Ahmad Farid et al., 2023). Aspek masa yang dirujuk oleh Slavin (1994) ialah masa pembelajaran dan pengajaran yang mencukupi bagi murid menguasai sesuatu konsep dan kemahiran. Dalam isu ini,

guru tidak dapat menumpukan perhatian sepenuhnya dalam pengajaran tilawah al-Quran kerana terikat dengan sukatan pelajaran bagi persediaan menghadapi peperiksaan (Nik Ahmad Farid, 2023). Ia telah menjadikan proses PdP tidak dapat disampaikan dengan kemas dan bermakna. Kesannya, objektif pengajaran sukar dicapai dan menyebabkan MBPK MaL ketinggalan dalam pembelajaran al-Quran. Dengan adanya modul yang berkualiti seperti MPQBM membantu guru dalam membuat rancangan pengajaran yang menarik, mengurus tingkah laku bilik darjah, serta penilaian bagi memastikan semua pelajar mencapai objektif yang ditetapkan. Malah, ciri penyampaian yang teratur juga dapat membantu mengatasi masalah kesuntukan masa pembelajaran MBPK MaL (Nurutthoilah, 2020). Pelaksanaan pengajaran yang tersusun dan bersistematik akan memberi kesan dan impak positif kepada pencapaian pelajar.

Di samping itu, kajian menunjukkan MPQBM ialah modul yang bersifat fleksibel kerana modul ini diterbitkan dalam dua versi cetakan iaitu dalam versi tulisan biasa dan tulisan Braille. Ia bagi memudahkan pengguna OKU MP mendapat faedah dan kelebihan yang sama dengan komuniti tipikal. Penghasilan sesebuah modul bagi komuniti OKU MP adalah berbeza dan unik berbanding modul biasa yang digunakan oleh komuniti tipikal. Ia berbeza dari segi bentuk penulisan, persembahan dan susunan (Kauthar et al., 2019). Malah, ia juga perlu disesuaikan dengan tahap penguasaan kumpulan sasaran sama ada daripada komuniti tipikal atau OKU MP. Dalam sesi pembelajaran, guru perlu memilih gaya pengajaran dan BBM yang sesuai digunakan dengan keperluan OKU MP (Norshidah & Khalim, 2010). Penggunaan MPQBM dilihat dapat mewujudkan pembelajaran dua hala antara mereka yang tipikal dan OKU MP. Ia akan memberi kesan kepada pelajar dalam memperoleh maklumat

yang disampaikan dengan lebih cepat dan dapat mempertingkatkan kefahaman mereka berkaitan sesuatu tajuk yang dipelajari.

Seterusnya, MPQBM telah menerapkan strategi pembelajaran berperingkat dimana dalam sesi pembelajaran ia dibahagikan dan disusun mengikut topik secara sistematik dan terancang. Susunan bagi setiap topik dan soalan latihan disusun secara berperingkat daripada mudah kepada sukar. Persembahan kandungan modul akan mempengaruhi kualiti dan keberkesanan pengajaran (Surina Akmal, 2015). Dimana ia melihat kepada kefahaman pengguna terhadap kandungan maklumat dan persembahan modul dari sudut susunan yang teratur, penggunaan istilah serta ilustrasi yang disediakan. Hasil dapatan kajian lain yang mengaplikasikan strategi berperingkat seperti Modul m-Mu'allim mendapati bahawa pensyarah dan pelajar menunjukkan respon yang positif dan selesa mempraktikkan strategi tersebut dalam pembelajaran Bahasa Arab (Amani, 2014). Maka, dapat dirumuskan bahawa MPQBM dilihat sesuai digunakan oleh pelbagai latar belakang penguasaan pengguna sama ada mereka yang mahir mahupun yang baru dalam mendalami al-Quran Braille. Hal ini kerana, penyampaian kandungan dan bahasa yang digunakan dalam MPQBM mudah diikuti dan difahami oleh semua peringkat. Oleh itu, strategi pembelajaran berperingkat ini memudahkan guru dan pelajar dalam menguasai sesuatu topik dalam proses pembelajaran.

5.3.3 Penerimaan Modul Pengajaran Mashaf Al-Quran Braille Malaysia dalam Kalangan Guru Al-Quran Braille.

Secara keseluruhan, dapatan temu bual bersama guru-guru al-Quran Braille menunjukkan bahawa mereka amat berpuas hati dengan kandungan dan kebolegunaan

MPQBM. Maka, ini membuktikan matlamat MPQBM yang dihasilkan bertepatan dengan keperluan kumpulan sasaran. Peserta kajian juga bersetuju dan berpuas hati dengan MPQBM sebagai rujukan kepada guru-guru dalam mendalami al-Quran Braille serta membantu memudahkan sesi penyampaian pengajaran. Malah, mereka juga mengesorkan agar digunakan juga oleh pelajar dan ibubapa. Hal ini bertepatan dengan kajian daripada Nur Aizya (2004) menunjukkan bahawa faktor motivasi pengguna akan meningkat apabila modul yang digunakan dapat memberi kepuasan kepada mereka dengan menyarankan orang lain untuk turut sama menggunakan modul berkenaan.

Di samping itu, terdapat beberapa cadangan kelestaraan modul diutarakan. Antaranya, menjalankan bengkel berkaitan pengajaran al-Quran Braille. Memandangkan MQBM baru dibangunkan dan terdapat perubahan dalam penulisannya, maka penting bagi guru untuk mengetahui dan menguasainya. Bengkel latihan seperti bengkel ToT pengajaran MQBM serta bengkel berkaitan ilmu al-Quran amat penting bagi guru untuk mempersiapkan diri dengan pengetahuan, kaedah dan teknik pengajaran terkini. Secara tidak langsung, MPQBM adalah modul yang dilihat sesuai digunakan dalam bengkel tersebut bagi memberi pendedahan yang jelas dan mendalam serta memantapkan lagi kefahaman guru berkaitan pengajaran al-Quran Braille standard Malaysia.

Bengkel adalah antara salah satu strategi yang efektif yang boleh dijalankan bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru dalam pelaksanaan perubahan baru pengajaran (Norazlin et al., 2019). Maka, guru dapat belajar melalui pakar dalam bidang berkaitan dan mendapatkan cerapan tentang amalan terbaik yang boleh diaplikasikan dalam bilik darjah mereka. Menurut Norazlin et al. (2019), bengkel yang menjalankan aktiviti berbentuk konkrit dan “*hand-on*” dapat membantu guru

dalam memkukuhkan kemahiran dalam pengajaran dan pedagogi serta dapat membantu memperbaiki kualiti amalan pengajaran di dalam kelas. Oleh itu, bengkel seperti ini membantu memberi peluang kepada guru untuk memperbaiki kualiti amalan PdP serta meningkatkan tahap professional guru (Rabiatuladawiyah & Mohd Nizam, 2020; Nur Hanani, 2015).

Tambahan lagi, modul lanjutan juga dicadangkan seperti seperti modul ilmu tajwid, modul soalan latihan dan lain-lain. Ia bertujuan bagi memberi pendedahan yang lebih luas serta pengukuhan berkaitan ilmu al-Quran. Ia bukan sahaja dihasilkan khusus untuk guru sahaja malah murid juga dapat menggunakannya.

5.4 Implikasi Kajian

Hasil perbincangan dapatan kajian ini menghasilkan beberapa implikasi terhadap penambahbaikan teori dan model, institusi-institusi pendidikan dan guru al-Quran.

5.4.1 Implikasi Terhadap Teori dan Model Kajian

Implikasi terhadap teori akan membincangkan penambahbaikan yang dilakukan dalam teori penilaian kualiti modul (Ang Chai Tin & Lee Lay Wah, 2016) dengan menyesuaikan elemen berkenaan dengan model standard penulisan mashaf al-Quran Braille Malaysia (KDN, 2021). Gabungan teori tersebut telah diubah suai mengikut keperluan kajian oleh pengkaji berdasarkan kajian terhadap OKU MP.

Pada dasarnya, kajian ini hanya menggunakan teori penilaian kualiti modul (Ang Chai Tin & Lee Lay Wah, 2016). Bagi menghasilkan kajian penilaian kualiti modul yang berkesan, pengkaji telah mendasari beberapa elemen yang terdapat di dalam teori tersebut. Penyelidikan berpandukan kepada aspek berikut; (1) kualiti kandungan, (2)

potensi keberkesanan dan (3) kepuasan keseluruhan. Namun, pengkaji hanya memilih elemen 1 dan 2 sahaja daripada teori-teori tersebut. Manakala, pengkaji mengambil model standard penulisan mashaf al-Quran Braille Malaysia yang dijalankan oleh KDN (2021) iaitu dari aspek *Rasm* dan *Dhabit*. Aspek yang dipilih memadai bagi mengenal pasti penilaian kualiti modul MPQBM.

Secara umumnya, hasil dapatan kajian ini mengukuhkan lagi kedua-dua teori dalam membuktikan penilaian kualiti MPQBM terhadap guru al-Quran Braille. Selain itu, pengkaji mendapati kajian ini merupakan antara kajian terawal yang dijalankan terhadap guru al-Quran Braille dengan mengaplikasikan teori tersebut. Oleh demikian, kajian ini dapat menjadi rujukan kepada kajian seterusnya dalam bidang kajian penilaian kualiti modul khususnya bagi OKU MP.

5.4.2 Implikasi Institusi-Institusi Pendidikan yang Berkaitan

Dengan penghasilan kajian ini, maka modul yang sesuai dan lebih efektif dapat dijadikan sebagai bahan asas atau sumber latihan kepada guru. Modul MPQBM yang baik telah disediakan dapat diguna pakai sebagai latihan khusus kepada guru Pendidikan Islam daripada KPM serta guru-guru KAFA di bawah JAKIM dan Jabatan-jabatan Agama Negeri. Oleh yang demikian, bersesuaian dengan usaha untuk melestarikan guru-guru yang berkualiti dan berminda kelas pertama dalam profesion perguruan akan dimantapkan melalui latihan dalam perkhidmatan, bengkel, seminar serta khusus. Latihan yang sebegini perlu dibekalkan dengan modul-modul yang berkaitan yang bersesuaian dan memenuhi kelainan pelajar. Hal ini menyahut dasar pelan tindakan strategik ke-8 (2016-2022) oleh Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang mengalakkan penyelidikan dan pembangunan mengenai OKU serta menyebar luas hasil

penyelidikan untuk tindakan penambahbaikan. Bahagian-bahagian Pendidikan Guru (BPG) di Institut Pendidikan Guru (IPG) dan di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) serta Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) juga disarankan merangka kursus yang bersesuaian untuk meningkatkan tahap pendidikan keguruan dan pengajaran khususnya bagi bakal-bakal guru Pendidikan Islam OKU MP khususnya dalam bidang al-Quran.

5.4.3 Implikasi Terhadap Guru

Pengajaran al-Quran terhadap MBPK MaL memerlukan kepada kemahiran dalam kalangan guru al-Quran berinteraksi dengan al-Quran Braille. Penghasilan MPQBM yang berkualiti akan meningkatkan kefahaman dan penguasaan guru terhadap penulisan MQBM serta dapat menjadi sumber rujukan pengajaran di dalam bilik darjah. Ini akan membantu meningkatkan kefahaman pelajar dan meningkatkan pencapaian mereka dalam pembelajaran. Sesuai dengan keadaan semasa yang kian maju dan berteknologi, penyediaan pelajar untuk hidup dalam zaman maklumat memerlukan guru yang berpengetahuan dan berkemahiran untuk berfungsi secara berkesan bagi melahirkan pelajar yang berilmu. Dengan bantuan MPQBM, proses PdP di dalam bilik darjah akan menjadi lebih tersusun serta proses penyampaian pengajaran dapat disampaikan dengan lebih bermakna dan berkesan

5.5 Cadangan Kajian Lanjutan

Berdasarkan hasil perbincangan dan dapatan kajian, beberapa kajian lanjutan dicadangkan adalah seperti berikut:

1. Kajian penilaian kualiti modul MPQBM telah dijalankan terhadap guru-guru al-Quran Braille di Malaysia. Namun, kajian penilaian keberkesanan MPQBM

belum dilaksanakan. Oleh itu, bagi menyempurnakan kajian ini, dicadangkan kajian penilaian keberkesanan dapat dilaksanakan kepada guru al-Quran Braille dan MBPK MaL;

2. Hasil dapatan telah mengenal pasti beberapa kelompangan yang terdapat pada MPQBM. Sehubungan itu, pihak yang berkaitan perlu melihat dan menilai semula untuk penambahbaikan MPQBM bagi menghasilkan modul yang berkualiti dan mencapai tahap kualiti sebuah modul pendidikan;
3. Kajian ini melibatkan penilaian modul pengajaran iaitu MPQBM dalam pengajaran al-Quran sahaja. Sehubungan itu, kajian terhadap BBM lain boleh dilaksanakan dalam bidang-bidang dan mata pelajaran-mata pelajaran yang lain khususnya BBM OKUMP;
4. Kajian ini hanya dilakukan terhadap modul pengajaran iaitu MPQBM dalam pengajaran al-Quran dalam kalangan guru al-Quran Braille sahaja. Oleh itu, hasil kajian yang berlainan mungkin diperolehi jika ada kajian yang dijalankan untuk BBM bagi mata pelajaran lain dan kumpulan guru di Sekolah Kebangsaan atau Menengah yang menawarkan program PPKI.

5.6 Penutup

Dalam membangunkan sesebuah modul yang berkualiti bagi tujuan pendidikan terutamanya pendidikan khas, pelbagai faktor yang perlu diberi penekanan. Hal ini penting bagi memastikan modul yang dibangunkan tersebut dapat menepati objektif PdP yang telah ditetapkan. Bagi mencapai tujuan yang telah dinyatakan, kajian ini menggunakan teori penilaian kualiti modul dalam menilai MPQBM terhadap pengguna modul khususnya guru-guru yang mengajar al-Quran Braille. Teori ini sangat memberi manfaat dan boleh dijadikan sebagai rujukan kepada kajian penilaian modul yang lain

supaya dapat menghasilkan modul pendidikan yang efektif dan berkualiti pada masa hadapan.

MPQBM telah diterbitkan pada tahun 2022 dan antara modul terawal yang menerangkan berkenaan penulisan MQBM. Hasil kajian penilaian yang telah dijalankan menunjukkan MPQBM telah mencapai tahap kualiti yang baik bagi sebuah modul pendidikan. Dapatan telah menunjukkan bahawa secara amnya, penggunaan MPQBM dapat membantu pengguna membuat rujukan dan sesuai dijadikan bahan bantu mengajar untuk memahami al-Quran Braille dengan lebih mendalam. Diharapkan, kajian ini dapat memberi sumbangan terhadap bidang pendidikan terutamanya kepada institusi-institusi pendidikan, guru al-Quran dan para penyelidik dalam usaha memberikan yang terbaik dalam proses PdP khususnya dalam bidang al-Quran Braille.

